



Perpustakaan
Tun Abdul Razak
Cawangan Melaka



PAMERAN MAYA : KENALI NEGERI DI **MALAYSIA**

MELALUI BENDERA, JATA DAN LAGU
SEMPENA HARI MALAYSIA 2021

DENGAN KERJASAMA : PERBADANAN MUZIUM MELAKA

Bendera merupakan lambang kepimpinan, simbol penghormatan, martabat dan kedaulatan bagi sesebuah negara. Setiap negara mempunyai bendera yang tersendiri untuk mewujudkan perasaan bangga terhadap tanah air. Bendera ditakrifkan sebagai sebidang kain yang diperagakan bagi menunjukkan tanda dan lambang kewujudan yang juga dikenali sebagai panji dan obor. Bendera dalam budaya Melayu biasanya dikaitkan dengan kedudukan golongan Diraja yang memerintah. Terdapat 14 jalur merah dan putih melintang yang sama lebar bermula dengan jalur merah di sebelah atas dan berakhir dengan jalur putih di sebelah bawah. Jalur-jalur ini menandakan keanggotaan 13 buah negeri dan sebuah kerajaan Persekutuan iaitu Kedah, Pahang, Kelantan, Johor, Perak, Perlis, Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Sarawak, Pulau Pinang, Sabah, Melaka dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya). Warna merah pada jalur membawa makna gagah berani dan warna putih pula membawa makna suci murni. Warna kuning yang digunakan pada bulan dan bintang adalah warna Diraja yang melambangkan Raja-Raja Melayu. Gabungan tiga warna utama iaitu merah, putih dan biru melambangkan setia kawan Persekutuan Tanah Melayu dan United Kingdom dan penyatuan Tanah Melayu dengan negara-negara Komanwel.

Bagi menyemarakkan lagi semangat dan rasa cinta anda pada negara, PTAR UiTM Cawangan Melaka dengan kerjasama Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) telah mengadakan Pameran Maya Kenali Negeri di Malaysia Melalui Bendera, Jata dan Lagu sempena Hari Malaysia 2021.

Maklumat lanjut sila ke laman sesawang di pautan ini:
<https://melaka.library.uitm.edu.my/virtual-exhibition/404-pamerankenalmalaysia>

